

## MEKANISMA DAN ANALISIS SKIM AGIHAN ZAKAT DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM) MENGIKUT MAQASID SYARIAH

*Mechanism and Analysis of Zakat Distribution Schemes at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) According to Maqasid Syariah*

Azman Ab Rahman<sup>1a\*</sup>, Muhammad Azhad Al-Bohari<sup>2b</sup>, Siti Nurhafizan Panglima<sup>3c</sup>, Ahmad Muhasim<sup>4d</sup> dan Abubacarr Barrow<sup>5e</sup>

<sup>a</sup>Institut Fatwa dan Halal, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, 71800, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

Emel: [azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)<sup>1</sup>

<sup>b</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, 71800, Negeri Sembilan, MALAYSIA

Emel: [azhadsampj@gmail.com](mailto:azhadsampj@gmail.com)<sup>2</sup>

<sup>c</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 88400, Sabah, MALAYSIA

Emel: [hafizanpanglima@ums.edu.my](mailto:hafizanpanglima@ums.edu.my)<sup>3</sup>

<sup>d</sup>Fakulti Syariah, Universitas Islam Negeri Mataram, INDONESIA

Emel: [ahasim@uinmataram.ac.id](mailto:ahasim@uinmataram.ac.id)<sup>4</sup>

<sup>e</sup>Department of Sharia, Amanah International University- The Gambia, GAMBIA

Emel: [barrowabubacarr@gmail.com](mailto:barrowabubacarr@gmail.com)<sup>5</sup>

\*Corresponding Author: [azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)

Received: 24 Mac 2025

Accepted: 24 April 2025

Published: 30 May 2025

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.30no2.677>

ABSTRAK	ABSTRACT
<p>Zakat merupakan mekanisme utama dalam memperkuat keberdayaan ummah serta mengurangkan jurang kemiskinan dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa. Setiap skim yang disediakan perlu dinilai dalam memenuhi keperluan asnaf berdasarkan maqasid syariah yang merangkumi pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Kajian ini akan membincangkan konsep maqasid syariah menurut sarjana Islam dan menganalisis skim agihan zakat yang disediakan kepada asnaf yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berdasarkan maqasid syariah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah dokumentasi, pemerhatian dan temubual. Hasil kajian mendapati bahawa skim-skim agihan zakat yang disediakan di UKM</p>	<p>Zakat serves as a primary mechanism to strengthen community empowerment and reduce poverty gaps in addressing contemporary economic challenges. Each distribution scheme must be assessed to meet the needs of asnaf (eligible beneficiaries) based on maqasid syariah (Islamic objectives), which encompass the preservation of religion, life, intellect, lineage, and property. This study discusses the concept of maqasid syariah according to Islamic scholars and analyzes zakat distribution schemes provided to asnaf, comprising students and staff at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), through the lens of maqasid syariah. A qualitative approach was employed, involving document analysis, observation, and interviews. The findings reveal</p>

<p>memenuhi setiap aspek maqasid syariah. Namun, penilaian semula disarankan bagi memastikan skim-skim tersebut disusun mengikut keutamaan lima prinsip utama maqasid syariah, iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Kajian lanjutan boleh dijalankan bagi menilai setiap skim yang disediakan kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang lain bagi memenuhi tuntutan maqasid syariah yang ditekankan dalam ajaran Islam. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan bagi IPT di setiap negeri dalam melaksanakan sistem pengagihan zakat secara lebih cekap, sistematik, dan berkesan.</p> <p><b>Kata Kunci:</b> Skim Agihan Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia, Maqasid Syariah</p>	<p>that the zakat distribution schemes at UKM fulfill all aspects of maqasid syariah. However, a reassessment is recommended to ensure these schemes are prioritized according to the five core principles of maqasid syariah: preservation of religion, life, intellect, lineage, and property. Further studies may evaluate zakat schemes at other Higher Education Institutions (HEIs) to align with maqasid syariah emphasized in Islamic teachings. This study is expected to serve as a reference for HEIs across states to implement more efficient, systematic, and effective zakat distribution systems.</p> <p><b>Keywords:</b> Zakat Distribution Schemes, Universiti Kebangsaan Malaysia, Maqasid Syariah</p>
--	---

## 1. PENGENALAN

Zakat merupakan elemen penting dalam membentuk keseimbangan ekonomi dan sosial individu dan masyarakat Islam. Zakat disyariatkan untuk membantu meringankan beban golongan asnaf yang berhak seperti mana yang dinyatakan dalam Al-Quran yang maksudnya:

*“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk memerdekakan hamba sahaya, untuk membebaskan orang yang berhutang, untuk yang berada di jalan Allah dan untuk orang yang sedang di dalam perjalanan sebagai kewajipan dari Allah. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”*

(Al-Quran, 2008, 9: 60)

Ayat ini secara jelas menyenaraikan lapan golongan yang berhak menerima zakat. Mereka adalah *al-fuqara'* (orang fakir), *al-masakin* (orang yang miskin), amil (pengurus/pengutip zakat), *muallaf* (saudara baharu muslim), *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang yang memiliki hutang), *fi sabillah* (orang yang berjuang di jalan Allah) dan akhirnya *ibn sabil* (musafir yang sedang dalam perjalanan). Justeru, ayat ini menegaskan bahawa agihan zakat bukan sekadar tanggungjawab keagamaan tetapi juga satu mekanisme pengagihan semula kekayaan yang adil.

Setiap IPT di Malaysia telah menyediakan skim-skim bantuan yang pelbagai dan berbeza untuk memenuhi keperluan asnaf yang berhak. Artikel ini

bertujuan untuk meneliti mekanisme agihan zakat di UKM berdasarkan perspektif maqasid syariah untuk memastikan bantuan yang disalurkan mencapai objektif pensyariatan ibadah zakat.

## 2. KAJIAN LITERATUR

Pengurusan zakat yang moden telah mengalami transformasi yang signifikan dalam beberapa dekad kebelakangan ini. Konsep pengurusan zakat yang moden telah membawa pendekatan strategik bagi meningkatkan kecekapan kutipan dan agihan zakat dengan melantik pihak lain seperti pihak masjid, institusi pendidikan, dan pertubuhan bukan kerajaan sebagai wakil amil (Muhammad Fakhruzzzy Md Ariff, 2021). Kajian oleh Muhsin et al. (2021) menekankan pentingnya peranan amil bukan sahaja sebagai pengurus agihan, tetapi juga sebagai pemudah cara antara institusi zakat, pembayar zakat, dan asnaf.

Berdasarkan kajian Baharuddin Sayin (2014), pelaksanaan pengurusan zakat di IPT bermula pada tahun 1998 apabila Lembaga Zakat Selangor (LZS) melantik Institut Teknologi MARA (ITM) untuk mengendalikan kutipan zakat dalam kalangan kakitangan dan mengagihkan sebahagian hasil kutipan kepada pelajar asnaf. Mekanisme ini kemudiannya diperluaskan ke IPT lain, termasuk UKM, yang melibatkan pentaulahan pegawai IPT sebagai amil zakat.

Amil zakat di IPT memainkan peranan yang kritikal dalam memastikan agihan zakat dilaksanakan secara berkesan dan bertepatan dengan keperluan asnaf. Kajian oleh Muhamad Rahimi et al. (2014) mendapati bahawa amil di IPT bertanggungjawab secara komprehensif dalam meningkatkan martabat ummah melalui agihan zakat yang menyokong kecemerlangan ilmu, mental, fizikal dan spiritual pelajar asnaf. Amil juga perlu memiliki kompetensi yang tinggi untuk memastikan agihan zakat dilaksanakan dengan adil dan berkesan. Menurut Hairunnizam (2015), amil IPT perlu memahami keperluan pelajar asnaf dengan lebih mendalam bagi memastikan agihan zakat bersesuaian dengan keperluan mereka. Namun, cabaran utama yang dihadapi oleh amil ialah kepelbagaiannya keperluan pelajar asnaf, yang memerlukan pendekatan yang lebih holistik dan berhemah. Muhamad Rahimi et al. (2014) mencadangkan agar agihan zakat di IPT perlu memberi keutamaan kepada kos pendidikan asnaf bagi memastikan mereka dapat mengharungi proses pembelajaran dengan sempurna.

Tahap keprihatinan amil terhadap nasib dan masa depan asnaf merupakan faktor penting dalam menentukan keberkesanan agihan zakat. Kajian oleh Nor Azilah et al. yang melibatkan 206 pelajar asnaf di IPT Selangor mendapati bahawa sikap empati, belas kasihan, dan keprihatinan amil amat

mempengaruhi tahap kepuasan asnaf terhadap perkhidmatan yang disediakan. Dapatkan ini disokong oleh kajian Husin et al. (2020), yang menunjukkan bahawa kualiti agihan zakat dapat ditingkatkan melalui sikap profesional dan prihatin amil.

Kajian-kajian lepas menumpukan kepada strategi meningkatkan hasil kutipan dan kecekapan agihan zakat, namun analisis mendalam mengenai pelaksanaan skim agihan zakat mengikut maqasid syariah masih terhad. Oleh itu, artikel ini akan meneroka pelaksanaan skim agihan zakat di UKM dengan merujuk kepada prinsip maqasid syariah bagi memastikan agihan zakat dilaksanakan secara holistik dan berkesan.

### 3. METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kualitatif dan mengaplikasikan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Instrumen pengumpulan data pula terdiri daripada analisis dokumen. Contoh jenis dokumen digunakan sebagai sandaran kajian adalah seperti tesis, buku, seminar, jurnal dan artikel kajian yang berkaitan sama ada dalam bentuk fizikal ataupun secara maya. Kaedah pemerhatian dan temubual juga digunakan bagi mendapatkan pandangan pakar serta melihat data-data yang berkaitan dengan skim agihan zakat di IPT. Data yang diperoleh seterusnya dikumpul dan dievaluasi sehingga membentuk suatu kesimpulan.

### 4. HASIL KAJIAN & PERBINCANGAN

#### 4.1 Konsep Maqasid Syariah

Konsep maqasid syariah merujuk kepada tujuan, hikmah, dan objektif di sebalik pensyariatan hukum-hukum Islam dan konsep ini telah dikaji secara mendalam oleh para ulama klasik dan kontemporari. Imam Al-Ghazali sebagai salah seorang tokoh terkemuka dalam pemikiran Islam telah mengkategorikan maqasid syariah kepada tiga tingkatan maslahah: *dharuriyyah* (keperluan asas), *hajiyyah* (keperluan tambahan), dan *tahsiniyyah* (keperluan pelengkap). Keperluan *dharuriyyah* merujuk kepada unsur-unsur asas yang jika tiada, akan menyebabkan kehidupan manusia menjadi kacau-bilau dan tidak teratur. Keperluan *hajiyyah* pula berkaitan dengan kemudahan dalam kehidupan seharian, manakala keperluan *tahsiniyyah* melibatkan aspek moral, etika, dan adab yang menyumbang kepada kesempurnaan hidup. Imam Al-Ghazali seterusnya menyaring ketiga-tiga keperluan ini ke dalam lima elemen asas yang dikenali sebagai *al-Dharuriyyat al-Khams*, iaitu pemeliharaan agama (*ad-Din*), nyawa (*an-Nafs*), akal (*al-'Aql*), keturunan (*an-Nasl*), dan harta (*al-Mal*) (Al-Ghazali, 1901). Konsep ini turut diperkuuh oleh Al-Syatibi (1996), yang

menegaskan bahawa matlamat utama syariah Islam adalah untuk memelihara lima elemen tersebut dalam semua situasi dan keadaan. Kesempurnaan konsep ini menunjukkan bahawa Islam menitikberatkan kesejahteraan dan perlindungan bukan sahaja untuk umat Islam, tetapi juga untuk semua individu yang berada di bawah naungannya.

Selain itu, 'Alal al-Fasi mendefinisikan maqasid syariah sebagai objektif dan rahsia di sebalik setiap hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT ('Alal al-Fāsi, 1966). Matlamat utama syariat Islam adalah untuk mendatangkan kebaikan (maslahah) dan menghindari keburukan (*mafsadah*) yang merangkumi aspek dunia ni dan ukhrawi. Al-Syatibi (1996) menjelaskan bahawa kebaikan ini selari dengan misi kerasulan Nabi Muhammad SAW sebagai rahmat untuk seluruh alam, seperti yang dinyatakan dalam Al-Quran (2008, 21: 107). Ayat ini mengukuhkan hujah bahawa rahmat Islam tercermin melalui usaha mencapai maslahah dan menolak mafsadah dalam setiap aspek kehidupan termasuk dalam konteks agihan zakat kepada asnaf yang berhak. Setiap skim agihan zakat perlu dinilai agar selari dengan kehendak syarak dan memenuhi keperluan asnaf sekaligus mencapai kemaslahatan yang diinginkan.

Secara umumnya, maqasid syariah merujuk kepada tujuan di sebalik penciptaan syariat Islam secara keseluruhan dan setiap hukum secara terperinci (Mahmood Zuhdi, 2012). Para ulama bersepakat bahawa setiap hukum syarak mengandungi hikmah dan tujuannya yang tersendiri iaitu untuk mendatangkan kebaikan dan menghindari keburukan. Al-Syatibi (1996) menegaskan bahawa matlamat syariat Islam merangkumi lima komponen utama, iaitu *al-dharuriyyat al-khamsah* yang meliputi pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Pemeliharaan ini dilaksanakan melalui tiga tingkatan: *dharuriyyat* (asas), *hajiyat* (sekunder), dan *tahsiniyyat* (pelengkap). *Dharuriyyat* merujuk kepada perkara-perkara yang tidak boleh diabaikan dalam kehidupan, *hajiyat* berkaitan dengan kemudahan hidup, manakala *tahsiniyyat* melibatkan aspek moral dan akhlak yang menyumbang kepada kualiti hidup yang lebih baik (Ibn 'Asyur, 1999). Konsep ini menekankan keseimbangan dalam memenuhi keperluan hidup manusia, baik dari segi material maupun spiritual, demi mencapai kesejahteraan sejagat.

Kesimpulannya, konsep maqasid syariah yang digariskan oleh para ulama seperti Al-Ghazali, Al-Syatibi, Ibn 'Asyur dan 'Alal al-Fasi menekankan kepentingan memelihara lima elemen asas kehidupan melalui tiga tingkatan keperluan. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan kesejahteraan individu dan masyarakat, tetapi juga mencerminkan keuniversalan dan kesyumulan Islam sebagai rahmat untuk seluruh alam.

#### **4.2 Sejarah Dan Latar Belakang Tabung Amanah Zakat Universiti Kebangsaan Malaysia (TAZUKM)**

Konsep *wakalah* (perwakilan) dalam pengurusan zakat di IPT mula dilaksanakan pada tahun 1998 apabila LZS di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memberikan kuasa kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk mengutip zakat daripada komuniti universiti dan mengagihkannya kepada golongan asnaf yang layak, termasuk fakir, miskin, muallaf, fisabilillah, dan amil di dalam institusi tersebut (Muhammad Rizal Jalil et al., 2017). Pelaksanaan ini bermula dengan pembentangan kertas kerja Konsep Q5S oleh Program Zakat UiTM, yang menekankan penghayatan instrumen zakat dalam pentadbiran universiti. Kebenaran bersyarat yang diwartakan oleh MAIS menjadikan UiTM sebagai IPT awam pertama yang dilantik sebagai Penolong Amil di bawah LZS, membolehkan universiti tersebut mengurus kutipan dan agihan zakat dalam kalangan warganya berdasarkan syarat-syarat tertentu (Muhammad Rizal Jalil et al., 2017). Sehingga kini, LZS telah melantik sembilan IPT sebagai Penolong Amil, termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Multimedia (MMU), Universiti Tun Razak (UniTAR), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), dan Universiti Selangor (Unisel) (Muhammad Rizal Jalil et al., 2017).

Amalan *wakalah* ini kemudiannya diperluaskan ke negeri-negeri lain melalui kerjasama strategik antara institusi zakat negeri dengan IPT terpilih. Pelaksanaannya mematuhi syarat dan garis panduan ketat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa zakat negeri masing-masing. Kerjasama ini selaras dengan dasar Kementerian Pengajian Tinggi yang menitikberatkan hak kebajikan pelajar dan menjamin akses pendidikan tinggi yang inklusif tanpa halangan kewangan. Inisiatif ini juga selari dengan sasaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang bertujuan meningkatkan kemampaman kewangan sistem pendidikan serta menyokong pelajar daripada kelompok sosioekonomi terpinggir (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Pembentukan unit pengurusan zakat di IPT berperanan kritikal dalam mencegah keciciran pelajar akibat kesulitan kewangan, sekaligus mengurangkan kebergantungan institusi terhadap pembiayaan kerajaan untuk menyantuni kebajikan pelajar, khususnya golongan asnaf yang layak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Zakat memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi dan spiritual umat Islam. Kontribusinya dalam memperkuuh kedudukan komuniti Muslim dari aspek agama, sosial dan ekonomi tidak boleh diabaikan. Keberkesaan pengurusan zakat bergantung pada agensi yang berkemahiran

tinggi, berpengetahuan dan proaktif yang menjadi asas pelantikan UKM sebagai sekretariat zakat di peringkat IPTA/IPTS di Selangor. Sepuluh universiti bersama UKM telah dilantik bagi memastikan ketepatan dan ketelusan pengurusan zakat di IPT negeri tersebut. UKM telah menubuhkan Tabung Amanah Zakat UKM (TAZUKM) yang diletakkan di bawah pentadbiran Yayasan Canselori sebelum dikendalikan oleh Jabatan Bendahari UKM. TAZUKM mula beroperasi secara rasmi di Pusat Islam UKM pada 16 Januari 2014 dalam menyediakan perkhidmatan pembayaran zakat pelbagai jenis termasuk zakat pendapatan, perniagaan, KWSP, simpanan, saham, serta emas dan perak. Berdasarkan Memorandum Persefahaman (MoU) antara UKM dan LZS pada 2005, Bahagian Zakat Jabatan Bendahari ditubuhkan dengan dua jawatankuasa utama:

- a. Jawatankuasa TAZUKM: Bertanggungjawab memantau urusan zakat, merumus dasar operasi tertakluk kepada garis panduan universiti dan LZS, menubuhkan sub-jawatankuasa, serta meluluskan pengurusan dana dan program zakat.
- b. Jawatankuasa JAZUKM: Mengurus agihan dana zakat mengikut protokol yang ditetapkan, memastikan keberkesanan pelaksanaan agihan dan merancang bentuk bantuan serta program sokongan kepada penerima.

Di bawah kedua-dua jawatankuasa ini, Bahagian Zakat yang terdiri daripada tujuh kakitangan bertindak melaksanakan arahan pentadbiran berdasarkan keputusan jawatankuasa induk.

MoU ini memberikan UKM autoriti sebagai Penolong Amil untuk mengutip dan mengagihkan zakat secara langsung dengan nisbah 1:1 antara UKM dan LZS, berdasarkan jumlah kutipan tahunan. Sebanyak 6.25% diperuntukkan untuk kos pentadbiran, manakala 43.75% diagihkan kepada lima golongan asnaf yang layak. Unit zakat UKM menyediakan 21 jenis bantuan kepada pelajar dan kakitangan berkelayakan, menyokong aspirasi universiti dalam melahirkan sumber manusia berkualiti dan memacu kecemerlangan institusi (Zakat Universiti, 2019).

Penubuhan unit pengurusan zakat di IPT meningkatkan kecekapan kutipan dan ketepatan agihan zakat di Malaysia, selaras dengan prinsip maqasid syariah. Pelaksanaan konsep wakalah bukan sekadar memudahkan pentadbiran zakat, tetapi juga menjamin bantuan menyasarkan kelompok asnaf khususnya dalam kalangan pelajar dan kakitangan IPT sekaligus mengukuhkan tanggungjawab sosial institusi pendidikan.

### 4.3 Skim Bantuan Zakat TAZUKM

TAZUKM telah menyediakan 16 jenis bantuan untuk pelajar UKM dan 15 jenis bantuan zakat untuk kakitangan UKM. Bantuan ini akan disalurkan kepada 5 daripada 8 orang asnaf yang dipersetujui antara UKM dan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Skim bantuan yang disalurkan kepada asnaf UKM diperincikan seperti dalam jadual 1 dan 2 berikut (Zakat Universiti, 2024):

**Jadual 1.** Skim Bantuan Zakat Pelajar UKM

Asnaf	Jenis Bantuan
Fakir	a. Bantuan Umum Pelajaran b. Bantuan Yuran Tertungggak c. Bantuan Mobiliti
Miskin	d. Bantuan Pendidikan (Komputer Riba) e. Insentif Kecemerlangan (Cemerlang PNGK,
Mualaf	Penerbitan/Penghasilan Jurnal, Sijil Profesional, Pertandingan Akademik)
Ibnu Sabil (ibnisabil)	f. Bantuan Tiket Kapal Terbang (Ibnu Sabil sahaja) g. Bantuan Sokongan Pengajian h. Bantuan Khas Pelajar Baharu
Fisabilillah	i. Bantuan Rawatan Perubatan j. Bantuan Peralatan Perubatan k. Bantuan Musibah/Bencana Alam l. Bantuan Wang Kecemasan m. Bantuan Program n. Bantuan Wang Galakan Mualaf o. Bantuan Baikpulih Rumah p. Bantuan Khas

**Jadual 2.** Skim Bantuan Zakat Kakitangan UKM

Asnaf	Jenis Bantuan
Fakir	a. Bantuan Sara Diri b. Bantuan Sewa Rumah c. Saguhati Hari Raya
Miskin	d. Bantuan Persekolahan Anak e. Bantuan Yuran Kelas Tambahan Anak
Mualaf	f. Bantuan Persediaan Pendidikan Pengajian Tinggi Anak
Ibnu Sabil (ibnsabil)	g. Bantuan Bebanan Kewangan h. Bantuan Rawatan Perubatan i. Bantuan Peralatan Perubatan
Fisabilillah	j. Bantuan Wang Kecemasan k. Bantuan Musibah/Bencana Alam l. Bantuan Program m. Bantuan Wang Galakan Mualaf


- 
- n. Bantuan Baikpulih Rumah
  - o. Bantuan Khas
- 

TAZUKM telah menyediakan pelbagai skim bantuan zakat bagi memastikan kemaslahatan dan Kebajikan warga dan komuniti UKM terpelihara. Inisiatif yang diperkenalkan ini sejajar dengan objektif zakat dalam membantu golongan asnaf dari kalangan pelajar dari sudut bantuan akademik, kewangan, kesihatan, kecemasan dan bantuan khas. Usaha ini bertujuan untuk mengurangkan tekanan kewangan dan semisalnya agar mereka dapat memberikan fokus yang maksima dalam pembelajaran mereka dan seriusnya membantu mereka dalam membantu asnaf yang lain pada masa hadapan.

Di samping itu, TAZUKM juga mengambil cakna akan kebajikan asnaf dalam kalangan kakitangan dengan menyediakan skim bantuan zakat yang terdiri daripada Bantuan Sara Diri, Bantuan Sewa Rumah Dan Bantuan Perbelanjaan Pendidikan Anak yang bukan sahaja berperanan dalam mengurangkan beban kewangan kakitangan tetapi turut menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan keluarga mereka. Inisiatif ini memberikan impak positif dengan memperkuuh produktiviti kerja, mewujudkan keseimbangan antara kehidupan dan pekerjaan serta mengukuhkan rasa kebersamaan dalam komuniti universiti. Bantuan seperti Saguhati Hari Raya dan Bantuan Kecemasan turut mencerminkan nilai keprihatinan terhadap keperluan harian penerima zakat, sejajar dengan aspirasi UKM untuk melahirkan tenaga kerja yang bukan sahaja berdedikasi dalam tugas tetapi juga menjalani kehidupan yang stabil dan harmoni.

#### **4.4     *Analisis Skim Bantuan Zakat TAZUKM Mengikut Maqasid Syariah***

Skim bantuan zakat yang disediakan TAZUKM dianalisis berdasarkan lima prinsip utama maqasid syariah dalam memastikan keperluan asnaf di UKM selaras dengan objektif syariah yang digariskan dalam Islam. Penerapan maqasid syariah dalam ibadah memainkan peranan penting dalam merealisasikan prinsip dan tuntutan syariah. Penetapan skim agihan zakat dianalisis melalui pendekatan ontologi dalam menghuraikan elemen *dharuriyyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyyat* seperti yang ditunjukkan dalam carta 3 di bawah:

**Carta 3.** Hierarki Utama Maqasid Syariah

Pembahagian skim agihan zakat kepada asnaf yang terlibat perlu dilaksanakan berdasarkan lima kepentingan asas yang utama bermula daripada agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Jadual 4 di bawah memperincikan pembahagian skim bantuan zakat pelajar UKM mengikut maqasid syariah:

**Jadual 4.** Skim Bantuan Zakat Pelajar UKM Mengikut Maqasid Syariah

<b>Agama (Hifz al-Din)</b>	<b>Nyawa (Hifz al-Nafs)</b>	<b>Akal (Hifz al-Aql)</b>	<b>Keturunan (Hifz al-Nasl)</b>	<b>Harta (Hifz al-Mal)</b>
Bantuan Wang	Bantuan	Bantuan	Bantuan Wang	Bantuan Tiket
Galakan	Rawatan	Umum	Galakan	Kapal Terbang
Mualaf	Perubatan	Pelajaran	Mualaf	(Ibnu Sabil)
	Bantuan	Bantuan		Bantuan
	Peralatan	Yuran		Program
	Perubatan	Tertungggak		
	Bantuan Wang	Bantuan		Bantuan
	Kecemasan	Pendidikan (Komputer Riba)		Baikpulih Rumah
	Bantuan	Bantuan		Bantuan Khas
	Musibah/Benc	Sokongan		
ana Alam	ana Alam	Pengajian		
	Bantuan Khas			
	Pelajar Baharu			
	Insentif			
	Kecemerlanga			
	n (Cemerlang			
	PNGK,			
	Penerbitan/Pe			
	nghasilan			
	Jurnal, Sijil			

		Profesional, Pertandingan Akademik)		
1	4	6	1	4

Berdasarkan Jadual 4, terdapat satu skim bantuan yang tergolong dalam kategori pemeliharaan agama dan keturunan sementara pemeliharaan nyawa dan harta masing-masing merangkumi empat skim bantuan serta enam skim bantuan diperuntukkan di bawah kategori pemeliharaan akal. Jadual 5 berikut memperincikan pembahagian skim bantuan zakat Kakitangan UKM berdasarkan prinsip maqasid syariah:

**Jadual 5.** Skim Bantuan Zakat Kakitangan UKM Mengikut Maqasid Syariah

Agama (Hifz al-Din)	Nyawa (Hifz al-Nafs)	Akal (Hifz al-Aql)	Keturunan (Hifz al-Nasl)	Harta (Hifz al-Mal)
Bantuan Wang Galakan Mualaf	Bantuan Rawatan Perubatan	Bantuan Yuran Kelas Tambahan Anak	Bantuan Wang Galakan Mualaf Anak	Bantuan Wang Saku
	Bantuan Peralatan Perubatan	Bantuan Persediaan Pendidikan Pengajian Tinggi Anak		Bantuan Bebanan Kewangan
	Bantuan Kecemasan	Bantuan Persekolahan Anak		
1	4	3	1	1

Berdasarkan Jadual 5, terdapat satu skim bantuan yang termasuk dalam kategori pemeliharaan agama, harta dan keturunan, manakala empat skim bantuan yang diperuntukkan bagi kategori pemeliharaan nyawa serta tiga skim yang diperuntukkan di bawah pemeliharaan akal.

Secara umumnya, skim agihan zakat yang disediakan oleh UKM kepada asnaf pelajar dan kakitangan telah melengkapi setiap aspek maqasid syariah, namun penambahbaikan serta semakan semula terhadap jumlah skim dan kadar bantuan perlu dilakukan berdasarkan keutamaan lima aspek pemeliharaan dalam *al-Dharuriyyat al-Khams*. Perkara ini disokong oleh penolong pegawai tadbir TAZUKM yang menyatakan bahawa pendekatan maqasid syariah perlu diterapkan dalam skim agihan zakat UKM. Ia juga memudahkan kepada pihak pengurusan zakat IPT UKM dalam menentukan skim yang menjadi keutamaan kepada penerima zakat lebih-lebih lagi sekiranya dana zakat yang dikumpul agak terhad (penolong pegawai tadbir TAZUKM, 12 Januari 2025) Aspek-aspek tersebut merangkumi pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta, yang perlu disesuaikan dengan kehendak semasa, keperluan penerima bantuan, serta situasi ekonomi negara.

## 5. KESIMPULAN

Pendekatan maqasid syariah dilihat sebagai satu keperluan yang penting dalam setiap skim bantuan zakat kepada asnaf dan relevan untuk dilaksanakan. Pelaksanaan maqasid syariah secara syumul amat penting untuk mencapai objektif setiap perkara yang disyariatkan dan memastikan bantuan diuruskan dengan baik, adil, dan amanah. Diharapkan kajian ini dapat menjadi panduan kepada institusi zakat di UKM serta IPT yang lain dalam menguruskan sistem agihan zakat dengan lebih sistematik dan efisien berpandukan objektif syarak.

## 6. PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Projek Penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) USIM, dengan tajuk Kerangka Kompetensi Amil Zakat Institut Pengajian Tinggi (Ipt) Ke Arah Membangun Malaysia Madani Kod Penyelidikan FRGS/1/2023/SSI13/USIM/01/1. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

## 7. RUJUKAN

- Ab Rahman, A. (2019). Pengurusan institusi zakat berdasarkan maqasid syariah dan matlamat pembangunan lestari (SDG): Management of zakat institution based on maqasid syariah and sustainable development goals (SDG). *Journal of Fatwa Management and Research*, 42-59.
- Ab Rahman, A., & Abd Khafidz, H. (2015). *Ensiklopedia asnaf dan skim agihan zakat di Malaysia*. USIM Press.
- Ab Rahman, A., & Abd Shakor, M. F. (2024). Pengurusan Amil Zakat di Institut Pengajian Tinggi: Isu Dan Cabaran: Amil Zakat Management In Higher Education Institutions: Issues And Challenges. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(1), 142-152.
- Ab Rahman, A., & Ismail, N. (2016). Analisis SKIM agihan zakat kepada muallaf berasaskan Maqasid Syari'ah di Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. *Menelusuri isu-isu kontemporari zakat*, 251-262.
- Ab Rahman, A., Omar, S. M. N. S., Som, H. M., Mokhtar, S. Z., Penyelidik, P., & dan Undang-Undang, F. S. (2016). Skim Agihan Zakat Kepada Asnaf Fi Sabilillah Mengikut Maqasid Syariah: Kajian di Selangor dan Wilayah Persekutuan. Dalam *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*.
- Ahmad Wifaq Mokhtar. (2016). *Parameter (al-dhawabit) maqasid al-shariah dalam pentadbiran negara*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Nasional Maqasid
- Al-Fasi, 'A. (1966). *Maqasid al-shar'iyyah al-islamiyyah wa makarimuha*. Rabat: Matabi' al-Risalah.
- Al-Ghazali, A. H. (1901). *Al-Mustasfa min 'ilm al-usul* (Edisi ke-1). Al-Matba'ah al-Amiriyyah.
- Al-Shatibi, A. I. I. M. I. M. al-Lakhmi. (1996). *Al-Muwafaqat fi usul al-syariah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Baharuddin Sayin, A. Z. A. L., & Mat Rani, M. A. (2014). Agihan zakat di Universiti Teknologi MARA. Dalam *Seminar Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi: Pengalaman dan hala tuju*. Universiti Teknologi MARA.
- Hasbullah, M., Sulaiman, S., Hamir, H., & Ab Rahman, A. (2024). Model Tabdir Urus Zakat Universiti Awam: Perbandingan Pusat Wakaf Dan Zakat (PWZ) Dan Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat Dan Endowmen (WAZAN): Zakat Management Model In Public Universities: A Comparison Between Pusat Wakaf Dan Zakat (PWZ) And Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat Dan Endowmen (Wazan). *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(2), 127-143.
- Ibn 'Ashur, M. T. (1999). *Maqasid al-syariah al-islamiyyah*. Beirut: Dar Salam.
- Jalil, M. R., Wahid, H., & Ahmad, S. (2018). Lokalisasi Unit Zakat Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model One Stop Center Agihan Zakat

Pendidikan. *Journal of Fatwa Management and Research*, 10(1), 51–72.  
<https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol10no1.28>

Md Ariff, M. F. (2021). Konsep wakalah: Pengalaman Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Dalam M. I. Rosele, M. N. S. Johari, & M. N. Paizin (Pnyt.), *Dimensi baharu zakat di Malaysia* (hlm. 367). Akademi Zakat.

Rahim, M. T. A., Wan, W. M. A. F., & Rahaman, A. (n.d.). Pengurusan zakat IPT: Pengalaman Unit Zakat Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zakat Universiti. (2019, August 23). Latar belakang | Zakat universiti. Zakat Universiti | Tabung Amanah Zakat UKM.  
<https://www.ukm.my/zakat/info/latar-belakang>

Zakat Universiti. (2024, April 2). Jenis bantuan | Zakat universiti. Zakat Universiti | Tabung Amanah Zakat UKM.  
<https://www.ukm.my/zakat/agihan/jenis-bantuan>

### ***Penafian***

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*